



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	15/12/2019	MUKA SURAT	:	36
JABATAN	:	JPS / BANJIR			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

# Mangsa banjir di Johor meningkat

*Melibatkan 2,640 orang, enam daerah dinaiki air*

NOR AZURA MD AMIN

JOHOR BAHRU

Jumlah mangsa banjir di Johor meningkat kepada 2,640 orang setakat jam 6 petang semalam berbanding hanya 1,364 orang yang direkodkan pada jam 2 petang.

Daerah Muar menjadi daerah terbaru dinaiki air selepas Mersing, Kulai, Segamat, Kluang dan Kota Tinggi.

Sebanyak 42 pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka dengan daerah Kluang mencatatkan PPS



Sebahagian mangsa banjir yang dipindahkan ke PPS SJKC Ai Chun, Segamat semalam.

terbanyak iaitu 18 buah antaranya di Balai Raya Kampung Chokro, Dewan Kolam Air dan Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Kenкана.

Bagi daerah Mersing, lapan PPS dibuka seterusnya

Kota Tinggi sebanyak 12 PPS dan dua PPS di Segamat.

Sebuah PPS juga dibuka di Kulai dan Muar.

Sementara itu, hanya empat laluan di Kota Tinggi yang masih terputus hubungan dan tidak boleh dilalui kenderaan.

Jalan tersebut ialah Batu 18, Ladang Pasir Logok-Ladang Bukit Kelompok, Ladang Bukit Payung (Tenggaroh) dan Jalan Kampung Mawai Lama.

Jabatan Meteorologi (Met Malaysia) masih mengeluarkan amaran cuaca bahaya (merah) bagi daerah Mersing dan Kota Tinggi.

Amaran cuaca buruk (jingga) pula bagi daerah Segamat, Muar, Batu Pahat, Kulai, Kluang, Pontian dan Johor Bahru.



Anggota APM membantu memindahkan mangsa banjir ke PPS SJKC Ai Chun, Segamat, semalam.